

Ku Li tak campurtangan pilih calon BN Gua Musang

Written by Tengku Razaleigh Hamzah
Monday, 31 October 2011 12:12 -

Tengku Razaleigh Hamzah berkata pemilihan senarai calon BN untuk bertanding kerusi Parlimen dan negeri di kawasan Gua Musang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang, dibuat oleh ahli jawatankuasa Umno bahagian itu tanpa campurtangan beliau.

Katanya, ini termasuklah dalam menentukan kedudukan beliau sendiri sebagai penyandang kerusi Parlimen Gua Musang.

Tengku Razaleigh yang juga ketua Umno bahagian itu berkata jawatankuasa itu diberi kuasa penuh untuk memilih menerusi undian bagi menentukan calon BN yang boleh menang majoriti besar.

"Dalam mesyuarat bulanan Umno bahagian itu sebulan lalu, kita sudah adakan undian senarai nama mereka yang dipilih rakyat untuk bertanding sebagai calon BN kerusi Parlimen Gua Musang dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Paloh dan Nenggiri.

"Keputusan undian itu sudah saya hantar kepada pucuk pimpinan parti di Ibu Pejabat Umno Kuala Kuala Lumpur dan tungguah keputusan dibuat nanti," katanya.

Beliau memberitahu demikian ketika berucap di majlis perjumpaan dengan ketua peti undi Paloh, di Dataran Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh Satu, dekat Gua Musang hari ini.

Tengku Razaleigh berkata kaedah pemilihan calon menerusi undian di peringkat AJK bahagian itu sebagai saluran terbaru bagi membuktikan ketelusan memilih mereka yang layak dan diterima rakyat.

Katanya beliau tidak mahu dituduh orang yang berkuasa menentukan calon bagi kerusi terbabit pada PRU ke-13 nanti kerana matlamat Umno bahagian dan pucuk pimpinan parti ialah supaya

Ku Li tak campurtangan pilih calon BN Gua Musang

Written by Tengku Razaleigh Hamzah
Monday, 31 October 2011 12:12 -

kerusi Parlimen dan tiga kerusi DUN menang besar.

"Kita juga menyerahkan kuasa kepada ketua peti undi bersama ahli jawatankuasanya mengatur segala agenda bagi melancarkan perjalanan PRU nanti dan kita diperingkat bahagian hanya memantau perjalanannya," katanya.

Beliau berkata langkah berbuat demikian bagi memberi semangat baru kepada pemimpin Umno di peringkat akar umbi yang paling hampir dengan pengundi menjalankan tugas serta amanah kemenangan.

"Kita bahagian pertama menjalankan kaedah itu sebagaimana yang kita laksanakan ketika pilihan raya kecil (PRK) DUN Galas November tahun lalu hingga mencapai kemenangan," katanya.

Hadir sama ADUN Paloh, Datuk Nozula Mat Diah, Adun Galas, Aziz Yusoff, Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Gua Musang, Muhammad Zahari Othman dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian, Zamzani Harun.

- Bernama

link: Malaysiakini : <http://www.malaysiakini.com/news/179785>